

16/11/1999

Dr Ling serah senarai calon kepada Pengerusi BN hari ini

KUALA LUMPUR, Isnin - Senarai calon MCA bagi pilihan raya umum kali ini sudah 99 peratus siap dan akan diserahkan kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selewat-lewatnya esok.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beliau masih menghadapi masalah dengan `satu peratus' daripada senarai calon berkenaan yang memerlukan penelitian tambahan.

"Saya baru saja menerima mandat daripada Majlis Presiden MCA tadi, dengan 99 peratus calon sudah disahkan tetapi menghadapi masalah dengan satu peratus, yang bukannya sesuatu yang mudah.

"Bagaimanapun, Majlis Presiden sudah memberi mandat kepada saya untuk membuat keputusan terhadap masalah ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden MCA, di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek; Setiausaha Agung, Datuk Dr Ting Chew Peh dan Naib-naib Presiden parti.

Senarai calon MCA menjadi tumpuan kerana desas desus mengatakan ramai pemimpin kanan dan veteran parti akan digugurkan daripada bertanding pada pilihan raya umum kali ini.

Dr Ling berkata, senarai lengkap calon MCA itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir selewat-lewatnya esok atau sebaik saja diperlukan oleh pucuk pimpinan tertinggi BN.

Beliau juga berkata, cadangan menukar kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di kalangan parti komponen BN sudah diputuskan terlebih awal di peringkat Dewan Tertinggi lagi.

"Jika ada kerusi yang dirasakan lebih elok diletakkan calon parti komponen lain, maka ia akan dilakukan. Kami sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang boleh dilaksanakan `pertukaran' kerusi itu," katanya.

Beliau turut menangkis dakwaan DAP kononnya lawatan Perdana Menteri China, Zhu Rongji bertujuan meraih undi terhadap kerajaan.

Katanya, lawatan pemimpin kanan China itu sudah dirancang beberapa bulan lalu dan pembubaran Parlimen untuk melaksanakan pilihan raya kali ini diputuskan pada saat akhir oleh Perdana Menteri.

(END)